

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Rafizi temui kerajaan Sarawak minggu depan

Pendaftaran PADU

# Rafizi temui kerajaan Sarawak minggu depan



Wan Junaidi dan Abang Johari bersalamans dengan jemaah yang hadir pada Sambutan Nuzul Quran Peringkat Sarawak di Masjid Al-Mutaqin, Kota Samarahan, malam kelmarin.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

Dapatkan penjelasan berkait kebimbangan kerahsiaan data peribadi individu

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kota Samarahan:** Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan barisan pegawaiannya mengesahkan akan berkunjung ke Kuching minggu depan untuk membincangkan isu penangguhan pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU) di Sarawak.

Perkembangan itu dimaklum-

kan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg yang menambah, kerajaan negeri mengalukan kesediaan Rafizi untuk mengetahui lebih terperinci kenapa pendaftaran PADU diarahkan ditangguh di Sarawak.

"Beliau sendiri ada nyatakan hendak tahu lebih lanjut kenapa kita minta tangguhkan dan kita ada menjelaskan bawanya ia adalah berkaitan privasi."

"Kita mahu (penjelasan) butiran lain dari sudut kerahsiaan maklumat peribadi kerana kalau terlalu banyak didedahkan yang tiada hubung kait dengan kedudukan kewangan, maka tidak munasabah untuk mendedahkan butiran dengan begitu terperinci," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas

Majlis Sambutan Nuzul Quran Peringkat Sarawak yang dihadiri Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Masjid Al-Mutaqin, di sini malam kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan negeri, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah serta Menteri Utiliti dan Telekomunikasi negeri, Datuk Seri Julaihi Narawi.

**Had dedah data peribadi**  
Mengulas lanjut, Abang Johari berkata, kerajaan Sarawak merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 sebelum membuat keputusan mengarahkan pendaftaran PADU ditangguhkan.

"Di bawah akta ini juga ada

menyatakan, mestilah ada had untuk kita mendedahkan maklumat peribadi dan ia selari dengan peruntukan dalam Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan berhubung hal kebebasan."

"Mengikut peruntukan itu, anda berhak untuk tidak mendedahkan maklumat peribadi tetapi jika ia ada kaitan dengan pendapatan dan juga keadaan ekonomi, sudah tentu data itu relevan," katanya.

Abang Johari mengaku, Kementerian Ekonomi pernah berbincang dengan kerajaan Sarawak mengenai maklumat yang diperlukan PADU sebelum ini.

"Rakyat kita sudah isi borang melalui pejabat residen, pejabat daerah serta ketua masyarakat dan kita bantu salurkan maklumat dikehendaki Kementerian

Ekonomi. Tapi apabila borang (PADU) keluar, nampaknya terlalu banyak sangat pula maklumat peribadi dikehendaki.

"Ini termasuk ada juga yang membatikan keharaga yang tidak sepatusnya dikehendaki," katanya namun menegaskan kerajaan Sarawak tetap menyokong objektif inisiatif kerajaan Persekutuan itu dalam pengagihan bantuan serta subsidi bersasar.

Had'alu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kerajaan Persekutuan menghormati keputusan Sarawak yang mahu menangguhkan pendaftaran sistem PADU dibebankan beberapa isu, namun penjelasan mengapa keputusan itu dibuat menjelang tarikh akhir pendaftaran 31 Mac ini.